



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**  
**SEKTOR PEMBINAAN**  
**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**SOALAN UMUM**

**1. Apakah jenis kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1?**

Jenis kerja yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PPN Fasa 1 adalah seperti berikut:

A. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan **kritikal**, iaitu kerja yang mana jika sekiranya tidak diteruskan boleh mendatangkan bahaya atau kemudaratan kepada pekerja, orang awam atau persekitaran, meliputi:

- i. Penyelenggaraan dan pembaikan cerun, jalan raya, jambatan, Kawalan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Control*), dan lampu isyarat;
- ii. Pemeriksaan berkala dan pembaikan lif/ travelator/ *escalator* dan lain-lain peralatan mekanikal dan elektrik yang kritikal;
- iii. Pembaikan, penyelenggaraan dan naik taraf fasiliti di premis-premis perkhidmatan kritikal;
- iv. Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk *Aedes* dan lain-lain haiwan perosak;
- v. Pembaikan dan penyelenggaraan landasan keretapi seperti MRT, LRT, komuter, *single/ double track* dan projek rel;
- vi. Pembaikan kediaman perseorangan;
- vii. Pembinaan *Bailey Bridge* di lokasi jambatan roboh;
- viii. Penyelenggaraan Lebuhraya Bertol;

B. Kerja-kerja pembinaan melibatkan infrastruktur awam meliputi-

- i. Terowong;
- ii. Cerun;
- iii. Jambatan dan *viaduct*;
- iv. Lebuhraya yang disahkan mencapai kemajuan fizikal lapan puluh peratus (80%) dan ke atas;
- v. MRT, LRT, ECRL, komuter, *single/ double track* dan projek rel;
- vi. Infrastruktur berkaitan elektrik, telekomunikasi, empangan, saluran dan pembentungan, minyak dan gas;

C. Kerja-kerja pembinaan:

- i. yang mempunyai penginapan pekerja yang diluluskan di tapak bina;
- ii. yang menempatkan pekerja di Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ) yang diluluskan;
- iii. yang dilaksanakan oleh Kontraktor G1, G2, G3 atau G4;
- iv. projek Kerajaan (*Government Funded Project*);
- v. hospital yang disahkan mencapai kemajuan fizikal lapan puluh peratus (80%) dan ke atas;

D. Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan;

E. Kerja-kerja penyiasatan tanah;

F. Perkhidmatan professional/ perunding yang berkaitan dengan kerja-kerja yang dibenarkan; dan

G. Perkhidmatan dalam rantai bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi.

H. Aktiviti atau kerja pembinaan yang tidak tersenarai dalam senarai 1. A sehingga G tetapi mencapai kadar vaksinasi pekerja yang telah ditetapkan.

**2. Apakah jenis kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PPN Fasa 2?**

Jenis kerja yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PPN Fasa 2 adalah seperti berikut:

A. Mana-mana kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan;

B. Kerja-kerja pembinaan melibatkan infrastruktur awam meliputi:

- i. Terowong;
- ii. Cerun;
- iii. Jambatan dan *viaduct*;
- iv. MRT, LRT, ECRL, komuter, *single/double track* dan projek rel;
- v. Infrastruktur berkaitan elektrik, telekomunikasi, empangan, saliran dan pembentungan, minyak dan gas;

C. Kerja-kerja pembinaan –

- i. yang mempunyai penginapan pekerja yang diluluskan di tapak bina;
- ii. yang menempatkan pekerja di Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ) yang diluluskan;
- iii. yang dilaksanakan oleh Kontraktor G1, G2, G3 atau G4;
- iv. projek Kerajaan (*Government Funded Project*);
- v. jalanraya atau lebuhraya;
- vi. hospital yang disahkan mencapai kemajuan fizikal lapan puluh peratus (80%) dan ke atas;

D. Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan / **bangunan**;

E. Kerja-kerja penyiasatan tanah;

F. Kerja-kerja penyediaan tapak seperti ukur tanah, kerja-kerja tanah (*earthworks*), penandaan dan pembersihan tapak;

G. Perkhidmatan professional/ perunding yang berkaitan dengan kerja-kerja yang dibenarkan; dan

- H. Perkhidmatan dalam rantai bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi.
- I. Aktiviti atau kerja pembinaan yang tidak tersenarai dalam senarai 2. A sehingga H tetapi mencapai kadar vaksinasi pekerja yang telah ditetapkan.

**3. Apakah jenis kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PPN Fasa 3 dan 4?**

Semua kerja-kerja pembinaan di kawasan-kawasan yang berada dalam tempoh PPN Fasa 3 dan 4 adalah dibenarkan beroperasi. Pemohon tidak perlu memohon kelulusan beroperasi melalui Sistem CIMS MITI.

**4. Kawasan manakah yang berada di peringkat PPN Fasa 1, 2, 3 dan 4?**

Kawasan yang berada di peringkat PPN Fasa 1, 2, 3 dan 4 diumumkan dari masa ke semasa oleh pihak MKN. Pihak industri diminta sentiasa menyemak senarai kawasan yang terlibat menerusi laman web/ Telegram rasmi MKN.

**5. Apakah kapasiti pekerja yang dibenarkan untuk bekerja di tapak bina?**

Kapasiti pekerja adalah mengikut fasa PPN seperti berikut:

BIL	PPN	KAPASITI PEKERJA
1	PPN – Fasa 1	60%
2	PPN – Fasa 2	80%
3	PPN – Fasa 3	80%
4	PPN – Fasa 4	100%

**6. Adakah kapasiti pekerja yang telah ditetapkan mengikut Fasa PPN di jawapan 5 boleh dipertingkatkan?**

Kapasiti pekerja boleh dipertingkatkan sekiranya:-

- a) pekerja mencapai kadar vaksinasi yang lengkap seperti berikut:

BIL	KADAR VAKSINASI LENGKAP PEKERJA	KAPASITI PENGOPERASIAN
1	80% -100%	100%
2	60% - 79%	80%
3	40% - 59%	60%

- b) Ujian Rapid Test Kit (RTK) Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan.

**7. Adakah pekerja binaan dibenarkan berpindah dari satu tapak bina ke satu tapak yang lain?**

Semua pekerja binaan dalam kawasan PPN Fasa 1 dan 2, TIDAK dibenarkan berpindah dari satu tapak bina ke tapak bina yang lain.

Manakala untuk kawasan PPN Fasa 3 dan 4, pekerja binaan dibenarkan berpindah dari satu tapak ke tapak bina yang lain dengan syarat pekerja binaan yang terlibat telah membuat ujian pengesanan COVID-19, tiga (3) hari sebelum ke tapak baru.

**8. Adakah waktu operasi kerja-kerja pembinaan dihadkan?**

Waktu operasi adalah normal/ biasa mengikut ketetapan yang diberi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**SOALAN BERKENAAN VAKSINASI PEKERJA**

**9. Apakah yang dimaksudkan vaksinasi yang lengkap?**

Vaksinasi yang lengkap bermaksud, Individu yang telah divaksin dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (Pfizer, AstraZeneca, dan Sinovac), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau
- ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

**10. Apakah kadar vaksinasi yang lengkap pekerja bagi membolehkan aktiviti/kerja pembinaan yang tidak tersenarai dalam senarai aktiviti/ kerja pembinaan yang dibenarkan di Fasa 1 dan Fasa 2 PPN beroperasi?**

Kadar vaksinasi pekerja yang ditetapkan adalah seperti di Jawapan No.6.

**11. Apakah kadar vaksinasi yang lengkap pekerja bagi membolehkan kapasiti pekerja dipertingkatkan di Fasa 3 dan 4 PPN?**

Kadar vaksinasi pekerja yang ditetapkan adalah seperti di Jawapan No.6.

**12. Apakah kadar vaksinasi pekerja ini perlu diisytihar?**

Ya perlu diisytihar, pengisytiharan perlu dibuat menerusi CIMS MITI.

**13. Bagaimanakah cara pengisytiharan kadar vaksinasi pekerja bagi syarikat yang telah mendapatkan kelulusan beroperasi sebelum ini?**

Untuk syarikat yang telah mendapatkan kelulusan beroperasi selepas 1 Jun 2021 sebelum ini, syarikat perlu membuat pengisytiharan kadar vaksinasi lengkap dengan memasukkan senarai nama pekerja yang telah divaksinasi di dalam Sistem CIMS MITI ([notification.miti.gov.my](http://notification.miti.gov.my)). Selepas itu, syarikat boleh secara terus memuat turun surat kelulusan beroperasi yang baharu.

**SOALAN BERKAITAN PENDAFTARAN DI SISTEM CIMS MITI**

**14. Adakah kebenaran diperlukan sebelum menjalankan kerja pembinaan?**

Ya. Untuk kerja pembinaan bagi kawasan PPN Fasa 1 dan 2, pemohon perlu membuat permohonan menerusi Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my>. Pemohon hendaklah mencetak surat kelulusan beroperasi dan mempamerkannya di premis/ tapak bina. Tetapi untuk Fasa 3, permohonan menjalankan kerja pembinaan adalah tidak diperlukan.

**15. Adakah surat kelulusan beroperasi yang diterima menerusi Sistem CIMS MITI sebelum 5 Julai masih terpakai?**

Kelulusan masih terpakai, tetapi pemohon hanya perlu log masuk semula ke dalam Sistem CIMS MITI dan mencetak surat baru dengan akronim PPN bermula 5 Julai 2021. Namun surat kelulusan ini tidak terpakai untuk kawasan PKPD.

**16. Bagaimanakah cara memohon di dalam Sistem CIMS MITI?**

Syarikat boleh mengikut langkah-langkah sepertimana berikut-

- a) Daftar atau log masuk ke dalam Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my>.
- b) Sekiranya pertama kali mendaftar, pemohon hendaklah mengisi borang makluman, membaca dan memahami SOP sebelum mendaftarkan profil. Pemohon diminta mengisi butir-butir yang dikehendakki termasuklah senarai pekerja dengan lengkap sebelum mendapatkan nombor notifikasi pendaftaran projek.
- c) Setelah lengkap pendaftaran, klik "Notifikasi Beroperasi" dan klik daftar "Notifikasi Baru" dan lengkapkan semua maklumat yang diperlukan.
- d) Sila nyatakan Nombor Perakuan Pendaftaran Kontraktor atau Nombor Lesen Agensi Kawal Selia di ruangan "No. Lesen Agensi Kawal Selia/ Badan Professional" di Bahagian Maklumat Pendaftaran Syarikat.
- e) Sila isikan alamat penuh tapak bina/ projek di ruangan "Alamat Beroperasi"
- f) Sila pilih Kluster Pembinaan di ruangan "Kluster Aktiviti Ekonomi"
- g) Sila pilih jenis kerja atau aktiviti yang ingin dijalankan di ruangan "Sektor"
- h) Sila masukkan nombor rujukan projek dan nama penuh projek sepertimana yang telah diisytiharkan di Sistem CIMS CIDB di dalam ruangan "Produk/Aktiviti Perniagaan"

- i) Di bahagian "SENARAI PENUH PEKERJA YANG TELAH DIVAKSIN LENGKAP (2 DOS)", sila muat naik dokumen PDF senarai nama pekerja yang telah divaksin (2 dos). Pilih pilihan status vaksinasi lengkap (2 dos) pekerja sama ada 40% atau 60% atau 80%. Masukkan jumlah bilangan pekerja yang terima suntikan lengkap (2 dos) dan masukkan jumlah pekerja yang berdaftar di dalam CIMS MITI.
- j) Lengkapkan permohonan dan klik "simpan dan terus" sebelum "hantar notifikasi"

**17. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya projek belum diisytiharkan di Sistem CIMS CIDB?**

Mana-mana pemohon yang belum mengisytiharkan projek yang ingin dijalankan boleh berbuat demikian di Sistem CIMS CIDB ([cims.cidb.gov.my](http://cims.cidb.gov.my)).

Sekiranya projek tidak diisytiharkan, permohonan beroperasi akan ditolak.

**18. Bolehkah pemohon memohon untuk beberapa tapak bina/ projek di dalam satu permohonan?**

Setiap permohonan yang dibuat adalah untuk satu tapak bina/ projek sahaja. Ini bermakna, satu permohonan tidak boleh mempunyai beberapa tapak bina/ projek.

**19. Bagaimanakah cara untuk pemohon menyemak status permohonan beroperasi?**

Pemohon perlu log masuk ke dalam Sistem CIMS MITI dan klik "Notifikasi Beroperasi".

**20. Apakah sebab-sebab permohonan kebenaran beroperasi GAGAL?**

- Aktiviti yang ingin dijalankan bukan dikategorikan sebagai kluster pembinaan.
- Pemohon tidak mengisi maklumat projek/ maklumat tujuan beroperasi dengan lengkap di dalam ruangan "Produk/Aktiviti Perniagaan".
- Maklumat projek yang diisi tidak termasuk di dalam senarai kerja yang dibenarkan.
- Projek tidak diisytiharkan di dalam Sistem CIMS CIDB ([cims.cidb.gov.my](http://cims.cidb.gov.my)). Pemohon boleh terus mengisytiharkan projek kepada CIDB dan boleh memohon semula Surat Kelulusan Beroperasi dari Sistem CIMS MITI.
- Tidak nyatakan alamat tapak bina seperti yang diisytiharkan.
- Pemohon (kontraktor) adalah kontraktor yang tidak berdaftar dengan CIDB
- Terdapat lebih dari satu projek dalam satu permohonan.
- Projek yang diisytiharkan di CIMS CIDB telah siap pembinaan.
- Pemohon (kontraktor) sedang di dalam tindakan tatatertib.
- Pemohon juga tidak mengemukakan maklumat dan bilangan pekerja dengan lengkap.
- Penginapan pekerja di tapak bina atau CLQ tidak mendapat kelulusan.

## 21. Sekiranya permohonan gagal, adakah pemohon boleh membuat rayuan?

Ya, pemohon boleh membuat rayuan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. Hanya sekali sahaja rayuan dibenarkan.

Sekiranya rayuan ditolak, pemohon boleh membuat permohonan baru di ruangan "Notifikasi Baru".

## 22. Adakah syarikat yang berkaitan pembinaan dibenarkan untuk beroperasi di pejabat?

Boleh. Surat kebenaran beroperasi MITI di tapak bina sedia ada boleh digunakan untuk kebenaran beroperasi di pejabat dengan mematuhi SOP bagi perkhidmatan swasta. Syarikat tidak perlu membuat permohonan baru.

Mana-mana pemohon (kontraktor/ professional/ perunding) yang belum mempunyai kebenaran di tapak bina tapi mempunyai keperluan untuk beroperasi di pejabat, pemohon perlu membuat permohonan di dalam Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my> di bawah Kluster Pembinaan, Sektor Operasi Pejabat. Pemohon perlulah menyatakan urusan yang berkaitan dengan lengkap di dalam ruangan "Produk/Aktiviti Perniagaan".

## 23. Apakah proses yang perlu dilakukan bagi syarikat-syarikat perunding yang hendak beroperasi semasa tempoh PPN?

Bagi syarikat-syarikat perunding yang terlibat di dalam **INDUSTRI PEMBINAAN**, syarikat boleh memohon menerusi Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my> di bawah kluster pembinaan di salah satu sektor - sektor yang disenaraikan seperti berikut:

Jenis Operasi	Sektor
Perunding yang mempunyai kerja di tapak bina	Sektor 27: Perkhidmatan professional/ perunding yang berkaitan dengan kerja-kerja yang dibenarkan
Perunding yang hendak beroperasi di Pejabat	Sektor 32: Operasi Pejabat
Perunding yang mempunyai pekerja yang lengkap vaksinasi melebihi 40%	Sektor 33: Lain-lain kerja/aktiviti pembinaan yang tidak tersenarai di dalam Sektor 1 - 32

\* Bagi PPN Fasa 1 dan Fasa 2 sahaja. Bagi PPN Fasa 3 dan 4, syarikat tidak memerlukan surat kebenaran beroperasi daripada MITI.

## 24. Adakah kontraktor G1, G2, G3 dan G4 boleh memohon kebenaran beroperasi?

Boleh. Kontraktor perlu membuat permohonan di dalam Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my> di bawah Kluster Pembinaan, Sektor Kerja Pembinaan – Dilaksanakan Oleh Kontraktor G1–G4.

Kontraktor perlulah berdaftar dengan CIDB dan mengisytiharkan projek di Sistem CIMS CIDB ([cims.cidb.gov.my](https://cims.cidb.gov.my)).

Bagi Kontraktor G1 dan G2 yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mendapatkan kebenaran beroperasi daripada PBT yang melantik atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

**25. Adakah kerja-kerja ubahsuai rumah persendirian dibenarkan?**

Kerja-kerja ubahsuai rumah persendirian adalah dibenarkan di PPN Fasa 1, 2, 3 dan 4. Tetapi untuk tempoh PPN Fasa 1 dan 2, pemohon yang terlibat boleh memohon kebenaran beroperasi di dalam Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my> di bawah Kluster Pembinaan, Sektor Kerja-kerja Pengubahsuaian Rumah Kediaman Perseorangan/ Bangunan. Manakala Fasa 3 tidak perlu memohon di dalam Sistem CIMS MITI.

**26. Adakah kerja-kerja ubahsuai bangunan yang merangkumi pejabat, rumah kedai, stesen minyak dan yang berkaitan dibenarkan?**

Pengubahsuaian bangunan yang merangkumi pejabat, rumah kedai, stesen minyak dan yang berkaitan adalah DIBENARKAN dalam tempoh PPN Fasa 2, 3 dan 4. Untuk tempoh Fasa 2, pemohon boleh memohon kebenaran beroperasi di dalam Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my> di bawah Kluster Pembinaan, Sektor Kerja-kerja Pengubahsuaian Rumah Kediaman Perseorangan/ Bangunan. Manakala Fasa 3 dan 4 tidak perlu memohon di dalam Sistem CIMS MITI.

**27. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya kontraktor ingin melaksanakan kerja kecemasan dan pembaikan yang kritikal seperti kebocoran bumbung atau paip yang pecah?**

Bagi kerja kecemasan dan pembaikan yang kritikal seperti kebocoran bumbung atau paip yang pecah, kontraktor hanya perlu mendapatkan surat kebenaran daripada balai polis terdekat.

**28. Adakah surat kebenaran beroperasi diperlukan untuk melaksanakan kerja pembinaan projek-projek Kerajaan (*Government Funded Project*)?**

Ya, permohonan perlu dibuat di dalam Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my> di bawah Kluster Pembinaan, Sektor Kerja-kerja Pembinaan Projek Kerajaan (*Government Funded Project*) sebelum dibenarkan beroperasi untuk tempoh PPN Fasa 1 dan 2.

Kontraktor perlu berdaftar dengan CIDB dan mengisytiharkan projek di Sistem CIMS CIDB ([cims.cidb.gov.my](https://cims.cidb.gov.my)).



**29. Adakah kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan cerun dibenarkan beroperasi?**

Kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan cerun adalah dibenarkan beroperasi. Permohonan perlu dibuat di dalam Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my> di bawah Kluster Pembinaan, Sektor Kerja Penyelenggaraan & Pembaikan Cerun atau Kerja Penyelenggaraan & Pembaikan Jalan Raya.

Bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan dan Cerun Persekutuan di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya (KKR), kebenaran beroperasi adalah merujuk kepada Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh KKR pada 7 Ogos 2021.

Hanya Syarikat Konsesi atau Kontraktor Utama sahaja yang perlu mendapatkan kelulusan daripada sistem CIMS MITI. Sub kontraktor atau syarikat yang dilantik oleh Syarikat Konsesi/ Kontraktor Utama hanya perlu mendapatkan surat arahan kerja dari syarikat yang melantik beserta surat kebenaran dari KKR.

**30. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan bagi permohonan di bawah kategori kerja yang mempunyai penginapan pekerja di tapak bina atau menempatkan pekerja di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ)?**

Dokumen sokongan yang diperlukan adalah-

- a) Sekurang-kurangnya kelulusan Permit Sementara Bangunan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi penginapan pekerja di tapak bina; atau
- b) Perakuan dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bagi Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ).

**31. Apakah aktiviti yang bersangkutan dengan kerja pembinaan tetapi tidak termasuk di bawah Kluster Pembinaan (dalam permohonan beroperasi melalui CIMS MITI)?**

Aktiviti-aktiviti tersebut adalah:

- a) Kedai Hardware - Kluster Peruncitan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
- b) Kilang membuat bahan binaan seperti simen, besi dan keluli - Kluster Pembuatan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
- c) Operasi lombong dan kuari - Kluster Perlombongan dan Pengkuarian di bawah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).
- d) Syarikat dan pembekal yang terlibat dengan projek-projek penyelenggaraan kritikal (yang akan ditentukan oleh pihak utiliti) bagi sistem penjanaan elektrik - Kluster Pembekalan Elektrik di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

**32. Bagaimanakah proses permohonan bagi syarikat kuari yang hendak membekalkan bahan batuan daripada simpanan stok (*stockpile*) ke tapak bina bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi?**

Pemohon perlu memohon kebenaran beroperasi melalui Sistem CIMS MITI di bawah Kluster Pembinaan, Sektor Perkhidmatan Lain Di Dalam Rantian Bekalan Seperti Bekalan Bahan Binaan, Penghantaran Bahan Yang Berkaitan Dengan Kerja-Kerja Yang Dibenarkan dengan menyatakan maklumat (nama, alamat, No.Notifikasi CIMS MITI)

projek pembinaan yang hendak dibekalkan. Surat kelulusan beroperasi yang diperolehi ini perlu disertakan menerusi emel kepada Jabatan Mineral dan Galian, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) (apply\_cmrss@jmg.gov.my) untuk mendapatkan kelulusan seterusnya.

### **SOALAN BERKAITAN UJIAN PENGESANAN COVID-19**

#### **33. Adakah ujian pengesanan COVID-19 diwajibkan kepada pekerja di tapak bina?**

Ujian pengesanan COVID-19 diwajibkan kepada semua pekerja samada tempatan atau asing.

Bagi kerja/ aktiviti pembinaan yang tidak tersenarai dalam aktiviti/kerja pembinaan yang dibenarkan dalam Fasa 1 dan 2 PPN tetapi mencapai kadar vaksinasi pekerja lengkap yang ditetapkan, ujian pengesanan COVID-19 ( RTK Antigen) perlu dibuat setiap 2 minggu.

Mana-mana syarikat/ kontraktor yang ingin mempertingkatkan kapasiti pekerja melebihi dari kadar kapasiti pekerja yang dibenarkan, ujian pengesanan COVID-19 ( RTK Antigen) juga perlu dibuat setiap 2 minggu.

Jenis ujian yang diterima adalah ujian RTK (*Rapid Test Kit*) Antigen; atau RTK (Rapid Test Kit) Antigen menggunakan Self Test Kit yang telah berdaftar dengan MDA (Medical Device Authority). Semakan boleh dibuat di laman web [www.mda.gov.my](http://www.mda.gov.my).

#### **34. Apakah jenis ujian pengesanan COVID-19 yang diterima?**

Jenis ujian pengesanan COVID-19 yang diterima adalah seperti berikut:

- RT-PCR (*Rapid Test Polymerase Chain Reaction*); atau
- RTK (*Rapid Test Kit*) Antigen; atau
- RTK (Rapid Test Kit) Antigen menggunakan Self Test Kit yang telah berdaftar dengan MDA (Medical Device Authority). Semakan boleh dibuat di laman web [www.mda.gov.my](http://www.mda.gov.my)

#### **35. Adakah ujian pengesanan COVID-19 wajib diulang untuk pekerja yang telah membuat ujian tersebut sebelum ini?**

Ujian pengesanan COVID-19 wajib diulang bagi

- a) pekerja yang menunjukkan gejala COVID-19, atau mengikut arahan semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- b) Pekerja binaan yang hendak berpindah tapak (3 hari sebelum berpindah ke tapak baru)

**36. Adakah ujian pengesanan COVID-19 diwajibkan ke atas pekerja yang telah lengkap dua dos vaksin?**

Ya. Ujian pengesanan COVID-19 tetap diwajibkan ke atas pekerja yang telah lengkap dua dos vaksin.

**37. Adakah rekod ujian pengesanan COVID-19 perlu disimpan di pejabat tapak?**

Ya. Semua jenis ujian pengesanan yang dilaksanakan perlulah di rekodkan. Semua salinan rekod berkaitan ujian pengesanan COVID-19 perlulah sentiasa di kemaskini dan disimpan di pejabat tapak untuk tujuan pemeriksaan.

Bagi RTK (Rapid Test Kit) Antigen menggunakan Self Test Kit, rekod ujian perlulah disahkan oleh sekurang-kurangnya SHO atau penyelaras pengurusan Covid 19 projek.

**MAKLUMAT LANJUT**

**38. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?**

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi CIDB Careline 03-5567-3300.

**Catatan:**

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak - individu, badan, persatuan sukan, syarikat / operator fasiliti terbuka untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemic COVID-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**25 Ogos 2021**